

“KAEDAH NIMOJI : MEMBANTU MURID DALAM MENINGAT LIMA HUKUM ISLAM SERTA MEMBEZAKAN PENGERTIANNYA”

ROZIETA BINTI RAMLI

ieta6366@gmail.com

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bagi membantu murid mengingat lima hukum dan membezakan pengertian bagi setiap lima hukum Islam iaitu Wajib, Sunat, Makruh, Harus dan Haram menggunakan kaedah *Nimoji* iaitu gabungan nama bagi akronim dan emoji. Peserta kajian adalah seramai empat orang murid dari SK Seri Kaya (bukan nama sebenar) Kuching, Sarawak. Pada peringkat awal, analisis lembaran kerja dibuat bagi mengenal pasti kumpulan sasaran. Berdasarkan soalan lembaran kerja, didapati 20 orang mendapat tiga markah ke atas, manakala empat orang murid mendapat markah tiga ke bawah. Kemudian, ujian lisan telah dijalankan semasa kajian tindakan mengesahkan keempat-empat murid tidak dapat menyebut kesemua lima hukum apatah lagi membezakan pengertian bagi setiap hukum tersebut. Hasil temu bual juga mendapati peserta kajian sukar untuk mengingat suatu konsep yang melibatkan ayat yang panjang, dikukuhkan lagi dengan catatan nota lapangan yang menyatakan mereka keliru dalam membezakan pengertian lima hukum tersebut. Oleh yang demikian, saya amat yakin bahawa penggunaan bahan bantu mengajar BBM yang ringkas dan menarik dapat membantu mengatasi masalah ini. Justeru, saya telah membina BBM yang dinamakan Kaedah *Nimoji* bagi membantu mereka. Dapatan kajian menunjukkan keempat-empat peserta kajian menunjukkan purata peningkatan markah sebanyak 75% dalam ujian pasca selepas kajian tindakan dilaksanakan berbanding ujian pra sebelumnya. Melalui kajian ini, saya menyedari bahawa amalan pengajaran guru penting dalam keberkesanan pembelajaran murid.


Kata Kunci: *Jenis hukum, Kaedah akronim, Penggunaan emoji, Kaedah nimoji, Kemahiran mengingat*

PENGENALAN

Saya merupakan seorang guru pelatih Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan Pengajian Agama Pendidikan Sekolah Rendah di Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang, Kuching. Kini saya berada di semester ke lapan dan menjalani praktikum fasa kedua selama tiga bulan di Sekolah Kebangsaan Seri Kaya (bukan nama sebenar) di Kuching. Dengan enrolmen seramai 700 orang murid termasuk murid pendidikan khas, sekolah ini merupakan sekolah gred A. Kebanyakan murid di sekolah ini mempunyai latar belakang keluarga yang berpendidikan tinggi dan berkerjaya. Semasa menjalani program praktikum di sini, saya telah diamanahkan untuk mengajar subjek Pendidikan Islam serta tasmik bagi kelas Tahun Tiga Cermai. Kelas Tahun Tiga Cermai terdiri daripada 37 orang murid iaitu 18 lelaki 19 orang perempuan. Rata-rata murid di dalam kelas ini adalah murid yang berprestasi sederhana dalam pelajaran. Mereka boleh membaca Al-Quran namun, bidang ulum syariah mereka sangat lemah. Oleh itu, saya memilih isu dalam bidang ibadah sebagai kajian tindakan saya bagi memenuhi kehendak sukatan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) Institut Pendidikan Guru.

Pada sesi pengajaran murid Tahun Tiga bagi modul Ibadah dalam tajuk Hukum dalam Islam, sesi PdP saya harus memfokuskan kepada tajuk “Suruhan dan Larangan Allah” iaitu mengenai hukum Wajib, sunat, makruh, harus dan haram. Namun, berdasarkan pemerhatian dan hasil semakan lembaran kerja, murid-murid tidak dapat menyebut kesemua lima hukum Islam dengan betul apatah lagi

membezakan pengertian bagi setiap jenis hukum tersebut. Justeru, saya mendapati murid tidak dapat mengingat lima hukum Islam serta membezakan pengertiannya kerana kaedah PdP yang saya gunakan tidak menarik perhatian mereka serta mereka juga belum mahir dalam teknik untuk memindahkan maklumat daripada memori jangka pendek ke memori jangka panjang. Menurut Ahmad (2008) terdapat berbagai cara untuk menjadikan sesi PdP kita lebih menarik dan berkesan. Maka, melalui permasalahan ini, saya mula membuat tinjauan awal untuk mengumpul dapatan dari segi lembaran kerja, catatan nota lapangan dan temu bual bagi menjalankan satu kajian berkaitan penggunaan bahan bantu yang membolehkan murid untuk mengingat lima hukum Islam serta membezakan pengertiannya. BBM tersebut membolehkan murid mengingat gambar dan bukannya tulisan semata. Kepentingan murid mengingat lima hukum berserta pengertiannya kerana ia merupakan panduan hidup yang sempurna kepada seluruh manusia dalam melakukan segala perintah Allah dan menjauhi larangannya. Bagi mendapatkan maklumat awal, saya telah menggunakan instrumen lembaran kerja di mana saya menjadikan ia sebagai ujian awal. Rajah 1 menunjukkan contoh lembaran kerja dua orang murid yang belum menguasai tajuk lima hukum dalam Islam.



Rajah 1. Lembaran Kerja/Ujian Awal

Jadual 1

Skor Markah Ujian Awal Murid

Bil.	Nama Murid	Skor Markah (X/5)
1	Fifa	2/5
2	Amalin	1/5
3	Khuzai	1/5
4	Wan	1/5

Hasil keputusan ujian awal menunjukkan keempat-empat murid mendapat markah yang rendah dalam membezakan pengertian lima hukum Islam. Bagi mengukuhkan lagi data awal lembaran kerja, saya telah menggunakan kaedah temu bual untuk mengetahui tahap pemahaman murid dalam tajuk ini. Ini adalah untuk mendapatkan maklum balas secara bersemuka agar saya lebih memahami punca murid tidak dapat menyenaraikan kesemua lima hukum dan membezakan pengertiannya. Hasil daripada temu bual, saya mendapati keempat-empat peserta kajian mengatakan mereka sukar untuk membezakan pengertian bagi setiap hukum kerana huraian ayat pengertian bagi setiap hukum yang terlalu panjang menyebabkan mereka sukar untuk mengingat konsep tersebut. Melalui hasil data awal yang telah dijalankan, saya dapati murid gagal memahami tajuk tersebut kerana daya ingatan yang sangat lemah dan kaedah pengajaran guru yang hanya menggunakan kaedah penerangan. Bagi membantu murid mengatasi masalah ini, saya ingin menambahbaik amalan PdP saya dengan membina bahan dan kaedah yang lebih ringkas, mudah dan

menarik untuk membantu mereka dalam mengingat lima hukum Islam dan membezakan pengertiannya.

FOKUS KAJIAN

Fokus kajian tindakan saya ialah penggunaan kaedah Nimoji iaitu akronim WaSuMaHaruHara dan emoji dalam memahami lima hukum dalam Islam. Terdapat dua fokus utama saya dalam kajian ini, iaitu:

1. Untuk menarik minat dan motivasi murid mempelajari bidang ibadah
2. Membantu murid dalam mengingat lima hukum Wajib, Sunat, Makruh, Harus dan Haram serta membezakan pengertian bagi setiapnya dalam kalangan murid tahun Tiga Cermat.

OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN

Objektif Kajian

Terdapat dua objektif kajian saya iaitu :

1. Membantu murid dalam mengingat lima hukum Islam menggunakan kaedah Nimoji
2. Meningkatkan kemahiran murid dalam membezakan pengertian bagi lima hukum menggunakan kaedah Nimoji

Persoalan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk menjawab persoalan kajian berikut :

1. Adakah penggunaan kaedah Nimoji boleh membantu murid dalam mengingat lima hukum Islam ?
2. Bagaimanakah penggunaan kaedah Nimoji dapat membantu meningkatkan kemahiran murid dalam membezakan pengertian bagi lima hukum Islam.

KUMPULAN SASARAN

Kajian ini melibatkan empat orang murid Tahun Tiga Cermat SK Seri Kaya (nama samaran). Peserta kajian terdiri daripada dua orang murid lelaki dua murid perempuan. Prestasi mereka di dalam akademik adalah pada tahap sederhana dan lemah.

PELAKSANAAN TINDAKAN

Kaedah Nimoji direka bagi membantu murid dalam mengingat lima hukum dan membezakan pengertiannya. Nimoji adalah hasil gabungan suku kata akhir akronim dan emoji. Tunjang utama pemilihan kaedah ini adalah berdasarkan teori akronim Tony Buzan dan Teori kecerdasan pelbagai Howard Gardner. Kaedah akronim membuat konsep yang abstrak lebih konkrit bagi memudahkan sesuatu fakta diingat. Manakala Howard Gardner (1983) mengatakan salah satu tahap kecerdasan ialah melalui pembelajaran visual ataupun bergambar. Oleh sebab itulah saya membina bahan yang menggunakan akronim untuk mengingat lima hukum Islam serta menggunakan gambar visual untuk menjelaskan pengertian sesuatu hukum. Kajian ini dilaksanakan di luar sesi PdP Pendidikan Islam iaitu selama satu jam seminggu untuk tempoh empat minggu. Terdapat empat langkah dalam pelaksanaan kajian tindakan ini.

Langkah 1 : Kaedah Nimoji (Akronim)

Bagi membantu murid dalam mengingat lima hukum Islam, saya telah menggunakan akronim dengan mengambil setiap suku kata pertama iaitu wajib mewakili Wa, sunat mewakili Su, makruh mewakili Ma, harus mewakili Haru dan Hara iaitu haram. Saya menggabungkan kelima-lima suku kata ini menjadi satu perkataan iaitu WaSuMaHaruHara. Kaedah akronim yang agak lucu ini sengaja saya cipta bagi menarik minat murid untuk mengingat kelima-lima hukum tersebut dengan mudah dan cepat tanpa bimbingan guru. Rajah 2 menunjukkan akronim WaSuMaHaruHara yang telah dibuat dalam bentuk poster.

APA ITU WaSuMaHaruHara?	
Wa	Wajib
Su	Sunat
Ma	Makruh
Haru	Harus
Hara	Haram

Rajah 2. Akronim Bagi Lima Hukum Dalam Islam

Langkah 2 : Kaedah Nimoji (Emoji)

Seterusnya, bagi membantu murid membezakan setiap pengertian hukum dengan betul, saya menggunakan simbol emoji di mana semua murid sedia maklum dengan emoji yang memang terdapat semua aplikasi media sosial masa kini seperti Facebook dan Whatapps. Terdapat tiga jenis emoji yang digunakan dalam BBM kajian tindakan saya yang menggambarkan maksud tertentu iaitu emoji gembira, emoji tidak bersalah dan emoji marah. Murid hanya perlu mengingat kedudukan emoji tersebut untuk membolehkan mereka mengetahui setiap maksud bagi kelima-lima jenis hukum. Di samping itu, BBM ini juga membuatkan murid berasa seronok untuk belajar kerana mempunyai unsur grafik serta mainan warna yang boleh menarik perhatian peserta kajian. Disebabkan peserta kajian saya mempunyai daya ingatan yang rendah dalam mengingat sesuatu konsep ayat yang panjang, jadi saya merasakan penggunaan emoji ini membantu murid dalam mengingat pengertian setiap hukum. Sebagaimana yang dinyatakan dalam kajian Amirah Khairunnisa (2012) ternyata kaedah imej visual berupaya membantu murid menyelesaikan masalah. Rajah 3 menunjukkan maksud bagi setiap emoji yang digunakan dalam memahami pengertian bagi setiap lima hukum.

MAKSUD SETIAP JENIS EMOJI	
😊	Mendapat Pahala
😐	Tidak mendapat dosa Tidak mendapat pahala
😡	Mendapat dosa

Rajah 3. Maksud Setiap Emoji

Poster Nimoji bagi membezakan pengertian lima hukum ini mengandungi lajur “buat” dan “tinggal”, tiga simbol emoji bagi setiap jenis hukum berserta contoh perbuatan yang sesuai bagi setiap hukum. Semasa langkah penerangan, saya akan menyebut pengertian jenis-jenis hukum berserta aksi memek muka jika melakukan perbuatan

tersebut. Contohnya, bagi hukum wajib, jika buat dapat pahala, saya akan membuat aksi memek muka senyum, manakala jika tinggal maka berdosa kemudian saya akan membuat memek muka marah. Seterusnya, murid menyebut lima hukum dan membuat aksi mengikut emoji yang terdapat pada poster. Rajah 4 menunjukkan penerangan kepada pengertian lima hukum menggunakan emoji

KAEDAH EMOJI				
Jenis- Jenis Hukum	Emoji		Keterangan	Contoh
	BUAT	TINGGAL		
Wajib			Buat dapat pahala, tinggal berdosa	Solat 5 waktu
Sunat			Buat dapat pahala, tinggal tidak berdosa	Baca Al-Quran
Makruh			Buat tidak berdosa, tinggal dapat pahala	Makan berdiri
Harus			Buat / tidak buat tidak mendapat dosa dan pahala	Makan minum
Haram			Buat berdosa, tinggal dapat pahala	Mencuri

Rajah 4. Perincian Pengertian Lima Hukum Menggunakan Emoji

Penggunaan emoji yang terdapat dalam Rajah 4 dapat membantu murid dalam membezakan pengertian hukum dengan hanya menggunakan emoji daripada menggunakan ayat yang panjang. Tambahan pula, di samping BBM ini dapat digunakan sebagai penerangan jenis-jenis hukum, ia juga dapat digunakan untuk tujuan aktiviti pengukuhan sebagai salah satu aktiviti murid sekaligus menguji tahap kefahaman murid

Langkah 3 : Aktiviti Pengukuhan

Bagi melihat perkembangan positif peserta kajian, saya telah menjalankan aktiviti kuiz secara individu. Melalui aktiviti kuiz ini, saya dapat melihat peningkatan demi peningkatan yang ditunjukkan oleh peserta kajian. Mereka boleh menyebut pengertian bagi setiap lima hukum dengan betul tanpa bimbingan poster Nimoji tersebut. Meskipun terdapat seorang peserta kajian yang masih lambat dalam memberi jawapan, namun dia boleh menjawab dengan betul.

Langkah 4 : Penilaian

Bagi melihat keberhasilan kaedah Nimoji dalam membantu murid mengingat lima hukum serta membezakan pengertiannya, saya memberi lembaran kerja serta ujian akhir kepada setiap peserta kajian. Pengagihan lembaran kerja serta ujian akhir kepada murid adaah berdasarkan kaedah ansur maju supaya dijadikan sebagai gambaran awal mengenai tahap kefahaman murid setelah melalui aktiviti PdP.

DAPATAN KAJIAN

Penggunaan kaedah Nimoji membantu murid dalam mengingat lima hukum Islam. Dapatan kajian melalui ujian lisan dan temu bual menunjukkan murid boleh menyenaraikan kesemua lima hukum dengan betul. menggunakan akronim WaSuMaHaruHara. Ujian lisan dilakukan ke atas kesemua peserta kajian secara individu. Apa yang telah saya dapati, keempat-empat peserta kajian dapat menjawab kelima-lima hukum dalam Islam dengan betul dan lancar. Kaedah akronim WaSuMaHaruHara ini membantu murid untuk mengingat lima hukum tersebut tanpa memakan masa yang banyak untuk berfikir.

Temu Bual

Bagi mengetahui respon peserta kajian terhadap penggunaan kaedah Nimoji ini secara terus, saya telah menggunakan kaedah temu bual. Sesi temu bual dijalankan sebaik sahaja kajian ini dilaksanakan ke atas peserta kajian bagi mengenalpasti reaksi mereka serta untuk melihat sejauh manakah penggunaan kaedah Nimoji ini berjaya memberikan kesan dalam mengingat kelima-lima hukum dalam Islam tersebut. Secara keseluruhannya, keempat-empat peserta kajian memberikan reaksi yang positif terhadap penggunaan bahan bantu ini. Rajah 5 merupakan catatan sesi temu bual yang telah dijalankan keatas salah seorang peserta kajian.

Guru : Amalin, cuba senaraikan lima hukum dalam Islam.
Amalin : Boleh ustazah (berfikir sambil mengira jari tangan) wajib, sunat, Ma sama dengan makruh, harus dan haram.
Guru : Alhamdulillah bagus Amalin. Sebelum ini, awak boleh tak hafal lima jenis hukum ini?
Amalin : Tidak ustazah(senyum malu). Saya senang ingat lima hukum tu sebab kaedah yang ustazah suruh ingat tu bunyinya lucu. Sebab itu saya ingat

(TB5/22-8-2017)

Rajah 5. Catatan Temu Bual Selepas Tindakan

Penggunaan kaedah Nimoji membantu murid dalam meningkatkan kemahiran membezakan pengertian hukum bagi setiapnya. Dapatan kajian melalui nota lapangan, aktiviti kuiz dan ujian akhir menunjukkan saya berjaya menggunakan pendekatan yang sistematik iaitu simbol emoji dalam meringkaskan pengertian bagi setiap hukum. Setelah menjalankan sesi kedua kajian tindakan, saya dapati terdapat perubahan tingkah laku positif yang berlaku ke atas salah seorang peserta kajian. Rajah 6 menunjukkan catatan nota lapangan.

Terdapat perubahan tingkah laku positif yang berlaku ke atas peserta kajian apabila salah seorang peseta kajian iaitu Wan antara orang yang paling awal menghantar latihan. Sebelum ini Wan antara murid yang paling lambat menghantar apa-apa yang berkaitan dengan kerja sekolah.

(NL/20-7-2017)

Rajah 6. Catatan Nota Lapangan Selepas Tindakan

Berdasarkan Rajah 6 catatan nota lapangan, saya mendapati terdapat perubahan tingkah laku dari negatif kepada positif yang berlaku apabila saya memperkenalkan kaedah Nimoji kepada keempat-empat peserta kajian. Wan merupakan murid yang sering tidak menghantar kerja sekolah namun setelah saya memperkenalkan kaedah Nimoji, Wan antara peserta kajian yang menghantar lembaran kerja paling awal dan dapat menjawab semua soalan dengan betul. Hal ini menunjukkan bahawa terdapat kesan perubahan tingkah laku positif yang berlaku semasa kajian tindakan ini dijalankan.

Aktiviti Kuiz (Lisan)

Setelah diperkenalkan kaedah Nimoji, saya dapati peserta kajian boleh menjawab soalan saya dengan betul menggunakan kad imbasan emoji. Saya menyoal setiap pengertian lima hukum tersebut terhadap setiap individu. Mereka masih teragak-agak untuk mengangkat kad emoji mungkin kerana mereka membayangkan poster Nimoji tersebut. Menurut Suppiah, Ramlah dan Abdul Aziz (2008) menyatakan bahawa pujian merupakan salah satu peneguhan positif yang perlu guru berikan kepada perubahan tingkah laku positif yang ditunjukkan oleh murid. Oleh itu, setiap kali peserta kajian dapat menjawab dengan betul semasa kuiz dijalankan, saya akan memberi pujian kepada setiap individu peserta kajian. Rajah 7 menunjukkan salah satu soalan kuiz secara lisan.


Guru : Boleh awak bagitahu ustazah , apakah pengertian bagi hukum wajib ?
 Wan : Wajib kalau buat dapat pahala (**menunjukkan memek muka senyum**, kalau tinggal berdosa ustazah (**menunjukkan memek muka marah**)
 Guru : Bagus Wan. Boleh tak bagi contoh perbuatan wajib?
 Wan : **Senang** je ustazah, contoh perbuatan wajib tu macam solat lima waktu.
 Guru : Bagaimana awak boleh ingat pengertian tersebut.
 Wan : Sebab **emoji** tu buat kan saya **senang ingat**.

(TB6/28-8-2017)

Rajah 7. Catatan Soalan Kuiz

Ujian Awal Dan Akhir

Setelah selesai ketiga-tiga sesi kajian tindakan tersebut, saya telah membuat ujian akhir kepada setiap peserta kajian untuk mengetahui perkembangan dan peningkatan mereka dalam kemahiran membezakan pengertian lima hukum. Rajah 8 merupakan ujian akhir salah seorang peserta kajian. Manakala Jadual 2 merupakan jadual skor ujian awal dan akhir keempat-empat peserta kajian.




Rajah 8. Ujian Awal Dan Akhir Salah Seorang Peserta Kajian

Jadual 2

Keputusan Pencapaian Murid Melalui Ujian Awal Dan Ujian Akhir

Nama	Markah Ujian Sebelum		Markah Ujian Selepas		Jumlah Peningkatan (%)	Purata peningkatan (%)
	Jumlah	%	Jumlah	%		
Amalin	1/5	20	5/5	100	80	75%
Fifa	2/5	40	5/5	100	60	
Khuzai	1/5	20	5/5	100	80	
Wan	1/5	40	5/5	100	80	



Rajah 9. Perbandingan Markah Ujian Awal Dan Akhir Murid

Berdasarkan kepada Jadual 2 dan Rajah 9, keputusan ujian akhir peserta kajian sangat memberangsangkan dan jelas menunjukkan perbezaan yang ketara. Hasilnya, ujian akhir peserta kajian menunjukkan peningkatan yang ketara berbanding ujian awal sedangkan ujian yang diberikan adalah ujian yang sama soalnya namun berbeza masa sebelum kajian tindakan dilakukan dan selepas pelaksanaannya. Ujian akhir ini menjadi bukti bahawa mereka boleh mengingat lima jenis hukum serta membezakan pengertian bagi setiapnya tanpa melihat pada poster kaedah Nimoji tersebut. Kesimpulannya, penggunaan kaedah Nimoji telah mencapai objektif yang disasarkan iaitu berjaya membantu murid mengingat lima hukum Islam serta dapat meningkatkan kemahiran murid dalam membezakan pengertian bagi setiapnya. Malah murid juga dapat menyatakan contoh perbuatan bagi setiap hukum tersebut.

REFLEKSI

Menurut Noriati A. Rashid et.al. (2010), peranan guru bukan sahaja merangkumi aktiviti PdP berdasarkan kurikulum dan dokumen standard semata-mata tetapi juga merangkumi pembentukan akhlak keseluruhan seseorang murid. Seorang guru yang efektif akan memastikan muridnya menguasai kemahiran yang diperlukan untuk menangani masalah atau cabaran yang mungkin dihadapi dalam kehidupannya. Saya mendapati bahawa pentingnya membantu murid dalam memahami lima hukum dalam Islam kerana ia merupakan panduan hidup yang sempurna untuk manusia dalam melakukan perintah dan meninggalkan segala larangan yang disebut oleh Allah dalam Al-Quran. Selain itu, perubahan positif amat ketara berlaku ke atas peserta kajian setelah pelaksanaan kajian tindakan. Keempat-empat peserta kajian boleh menyenaraikan kesemua lima hukum dalam Islam dengan betul serta membezakan pengertian bagi setiapnya seteah kaedah Nimoji diperkenalkan. Saya berasa sangat teruja apabila kedua-dua objektif kajian saya tercapai dengan jayanya. Daripada kajian ini juga, saya dapati setiap masalah yang dihadapi oleh murid dalam pembelajaran pasti ada jalan penyelesaiannya. Tetapi ia memerlukan seorang guru yang kreatif dan sistematik dalam menyelesaikannya. Melalui kajian ini juga, saya dapat mempelajari banyak perkara dan menjadikannya sebagai pengalaman yang paling berharga sepanjang lima tahun di IPG Batu Lintang. Kajian ini amat membantu saya dalam menambah baik amalan pengajaran saya dan seterusnya membantu mengubah persepsi murid bahawa bidang Ibadah bukanlah bidang yang sukar.

CADANGAN TINDAKAN SUSULAN

Berdasarkan kesan positif yang berlaku kepada murid-murid khususnya dalam mengingat lima hukum dalam Islam serta membezakan pengertian bagi setiapnya, saya berhasrat untuk memperkembangkan kajian ini pada peringkat yang lebih luas. Saya mencadangkan agar kajian yang akan datang menambah baik bahan kajian

tindakan saya iaitu poster kaedah Nimoji supaya bahan ini dapat diaplikasikan dengan lebih mudah. Memandangkan abad ke-21 merupakan zaman teknologi maklumat di hujung jari, saya mencadangkan agar kajian ini ditambah baik dengan penggunaan TMK. Menurut Zamri dan Nur Aisyah (2011) aplikasi TMK dapat membantu murid menguasai pembelajaran kemahiran secara dua hala dengan guru tanpa bergantung pada guru dalam mengajar sepenuhnya. Sebagaimana yang terkandung dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) dalam anjakan ke tujuh iaitu memanfaatkan TMK bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia, penerapan TMK amat digalakkan dalam proses PdP. Justeru itu, saya berharap agar kajian ini diteruskan dalam bentuk multimedia pembelajaran interaktif mengikut kesesuaian dan kreativiti pengkaji yang seterusnya. Seterusnya, saya mencadangkan agar kajian yang akan datang, akan menambah baik poster kaedah Nimoji ini supaya dapat diaplikasi dalam topik mata pelajaran Pendidikan Islam yang bersesuaian. Cadangan kajian ini saya utarakan kerana strategi menggunakan imej visual merupakan satu strategi yang fleksibel dan amat sesuai untuk digunakan dalam mana-mana topik bagi mata pelajaran yang terdapat dalam silibus Pendidikan Islam.

RUJUKAN

- Ahmad Mohd Salleh.(2011). *Kurikulum, Metodologi dan Pedagogi Pengajian Islam*. Selangor:Oxford Fajar Sdn. Bhd
- Akhlar Pardi dan Shamsina Shamsuddin (2012). *Pengantar Penyelidikan Tindakan dalam Penyelidikan Pendidikan*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Amirah Khairunnisa Jaafar (2012). *Kesan Penggunaan Kaedah Imej Visual Dalam Mengatasi Masalah Penggunaan Huruf Besar Dan Huruf Kecil Penulisan Bahasa Melayu Murid Tahun Lima*. IPG Kampus Batu Lintang : Seminar Penyelidikan Tindakan IPG KBL Tahun 2012, ms 84-97.
- Gardner, H. 1983. *Frames of mind: A theory of multiple intelligences*. New York: Basic Books.
- Kementerian Pendidikan Malaysia.(2013).Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, diakses pada 1 Mac 2018 di<http://www.moe.gov.my/v/pelan-pembangunan-pendidikan-Malaysia-2013-2025>
- Noriati A. Rashid, Boon, P. Y., Wong, K.W. (2010). *Asas Kepimpinan dan Perkembangan Profesion Guru*. Selangor: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Rubiah Aksah & Ong Yea Jing (2006). *Belajar Cara Belajar*. Selangor: Karya Bestari Sdn. Bhd.
- Suppiah Nachiappan, Ramlah Jantan & Abdul Aziz Abdul Shukor (2008). *Psikologi Pendidikan*. Selangor: Oxford Fajar Sdn,Bhd.
- Ting, L. S., Ahmad Sabry & Ting, H.Y.(2013). *Penyelidikan Tindakan dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Freemind Horizons Sdn.Bhd.
- Zamri Mahamod & Nur Aisyah Mohammad Noor. (2001).Persepsi Guru Tentang Penggunaan Aplikasi Multimedia Dalam Pengajaran Komponen Sastera Bahasa Melayu. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 11(3), 1-10.